

CHOGRAM-POLITIK

(I)

DARI IDZAN ISMAIL

1982

SUVA, FIJI, 14 OKT. (BERNAMA)-DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAKAD MENGGESA PARA PEMIMPIN KOMANWEL DI RANTAU ASIA-PASIFIK YANG BERMESYUARAT DI SINI SUPAYA BEKERJASAMA ANTARA SATU SAMA LAIN UNTUK MENINGGIKAN KETAHANAN KUMPULAN TERSEBUT.

SUMBER-SUMBER PERSIDANGAN BERKATA PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA MEREKA HARUSLAH BERUSAHA MEMELIHARA KESTABILAN POLITIK, DARI SEGI ANTARABANGSA DAN DI LUAR NEGERI.

+MARILAH KITA MENOLONG DIRI SENDIRI KERANA ORANG LAIN TIDAK AKAN BERBUAT DEMIKIAN,+ SUMBER-SUMBER ITU MENYEBUT PERDANA MENTERI SEBAGAI BERKATA SENASA PERBINCANGAN MENGENAI ISU-ISU POLITIK DUNIA YANG TAMAT HARI INI.

ADALAH DIPERCAYAI SINGAPURA BERSEPENDAPAT DENGAN MALAYSIA DI MANA PERDANA MENTERINYA BERKATA +JIKA KITA TIDAK DAPAT MEMBANTU ANTARA SATU SAMA LAIN, JANGANLAH MEMBURUKKAN KEADAAN BAGI SESAMA KITA.+

PARA PEMIMPIN SERAMAI 17 ORANG YANG MENYERTAI MESYUARAT SE-RANTAU PARA KETUA KERAJAAN KOMANWEL MENCAPAI KATA SEPAKAT MENGENAI PERLUNYA MENGADAKAN KERJASAMA DI KALANGAN SENDIRI DI AKHIR PER-BINCANGAN MENGENAI ISU-ISU POLITIK DUNIA ITU.--LAGI 1955/HM

B702

CHOGRM-POLITIK 2 SUVA (FIJI)

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGETUAI ROMBONGAN MALAYSIA DALAM PERBINCANGAN BERKENAAN YANG JUGA DISERTAI OLEH KEPULAUAN SOLOMON, KIRIBATI, VANUATU, SINGAPURA, MALDIVE DAN FIJI. PERBINCANGAN MENGENAI ISU ITU DIMULAKAN OLEH PERDANA MENTERI AUSTRALIA ENCIK MALCOLM FRASER.

SUMBER-SUMBER ITU BERKATA PERBINCANGAN MERANGKUMI KEADAAN SEDUNIA DAN ISU-ISU SERANTAU YANG TERTENTU TERMASUK PERKEMBANGAN DI ASIA TENGGARA DAN KAWASAN-KAWASAN LAIN DI ASIA.

MEREKA MENYENTUH SOAL DASAR RUSIA MENGEJAR KUASA MEMERUSI PAKSAAN DAN PENINGKATAN PASUKAN SOVIET DI UTARA PASIFIK, DAN SOAL CAMPURTANGAN DI KAMPUCHEA DAN AFGHANISTAN.

SAMBIL MENGAKUI KEDUDUKAN AMERIKA SYARIKAT SEBAGAI AMAT MUSTAHAK BAGI KESTABILAN ANTARABANGSA, PARA KETUA KERAJAAN ITU BERSETUJU BAHAWA MEREKA YANG MENIKMATI FAEDAH DARIPADA KEKUATAN AMERIKA SYARIKAT HENDAKLAH MEMBERI SOKONGAN KEPADA NEGARA-NEGARA LAIN.

RASA BIMBANG JUGA DISUARAKAN MENGENAI PERLUMBAAN SENJATA NUKLEAR DAN ADALAH DIRASAKAN PENCAPAIAN KE ARAH PENGAWALAN SENJATA ADALAH PENTING.--LAGI 1958/HM

B703

CHOGRM-POLITIK 3 SUVA (FIJI)

SUMBER-SUMBER ITU BERKATA RUNDINGAN YANG DISAMBUNGAN DI ANTARA AMERIKA SYARIKAT DENGAN RUSIA BOLEH MENCAPAI KEJAYAAN JIKA SUASANA YANG PENUH KEYAKINAN DAPAT DIPELIHARA.

PARA KETUA ITU BERPENDAPAT MEMANDANGKAN KEADAAN EKONOMI YANG MELESET, HANYA RUSIA SAHAJA YANG MEMPEROLEHI FAEDAH DARIPADA KEADAAN DUNIA SEKARANG.

SUMBER-SUMBER ITU BERKATA PARA KETUA ITU JUGA BERPENDAPAT BANGSA-BANGSA BERSATU DAN PERTUBUHAN PERTUBUHAN EKONOMI YANG DIWUJUDKAN OLEH GENERASI SELEPAS PERANG PERLU DIKAJI SEMULA.

KEBERKESANAN INSTITUSI-INSTITUSI TERSEBUT TELAH DIPERSOALKAN TERUTAMA PERANAN MAJLIS KESELAMATAN YANG DIRASAKAN TELAH DIKETEPIKAN KUASANYA, UMPAMANYA SEMASA KRISIS KEPULAUAN FALKLAND.

MENGENAI PENCEROBOHAN LUBNAN, PARA KETUA ITU BERPENDAPAT SEDANGKAN RANTAU ASIA-PASIFIK TIDAK DAPAT MEMEGANG PERANAN UTAMA DALAM MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH DUNIA, IA BOLEH MEMBANTU DALAM KEGIATAN PENDAMAIAN DAN MENYEDIAKAN PERTOLONGAN LAIN.--LAGI 2003/HM

CHOGRM-POLITIK 4 SUVA (FIJI)

MENGENAI RANTAU PASIFIK, CHOGRM BERPENDAPAT KETIADAAN PANGKALAN-PANGKALAN SOVIET MENYUMBANG KEPADA KESTABILAN DAN PENGURANGAN PEREBUTAN KUASA DI KAWASAN TERSEBUT AKAN MEREDAKAN KETIDAKSTABILAN.

NEGARA-NEGARA PASIFIK KHUATIR JIKA MEREKA BERDAGANG DENGAN BLOK SOVIET INI MUNGKIN DIANGGAP SEBAGAI SATU PENGKHIANATAN.

TETAPI, MEREKA JUGA KHUATIR DENGAN DASAR-DASAR PERDAGANGAN AMERIKA SYARIKAT WALAUPUN MEREKA MENERINA HAKIKAT BERTIFA PERLUANYA MENGADAKAN PERIKATAN YANG KUAT DENGAN BARAT, KHASNYA AMERIKA SYARIKAT.

--BERNAMA 2006/HM